

Media : Sinar Harian

Date : 09 Mar 2019

## **Ajinomoto terus jadi penaja terulung Sukan SEA Ke-30 di Filipina**

AJINOMOTO Co Inc (Ajinomoto Co) menandatangani perjanjian selaku penaja rasmi Sukan Asia Tenggara (Southeast Asian Games) atau sukan SEA

ke-30 di Filipina selaku tuan rumah bermula bulan November hingga Disember 2019 selepas menjadi penaja platinum Sukan SEA ke-29 di Kuala Lumpur dua tahun lalu.

Ajinomoto Co dalam kenyataannya berkata, Sukan SEA dianjurkan dua tahun sekali bagi membantu memperkukuh jalinan kerjasama, pemahaman dan perpaduan dalam kalangan komuniti Asia Tenggara.

Tambahnya, sukan ini juga merupakan acara terbesar di Asia Tenggara dan mampu menarik perhatian lebih 600 juta penduduk di rantau ini.

"Sejak 2003, Kumpulan Ajinomoto berusaha menganjurkan program, Victory Project\* bagi membantu para atlet berada pada kedudukan tertinggi di Jepun melalui khidmat sokongan pemakanan, produk-produk keluaran Kumpulan Ajinomoto dan promosi program pemakanan berkhasiat.

"Justeru, Kumpulan Aji-

**Eat Well, Live Well.**



nomoto merancang mengembangkan inisiatif ini ke negara-negara Asean yang lain melalui program Victory Project\* yang melibatkan Ajinomoto (Malaysia) Berhad," katanya.

Jelasnya, selepas lebih satu abad, Kumpulan Ajinomoto masih meneruskan usaha mempromosikan gaya hidup sihat melalui inovasi dan kepelbagaian produk.

"Sebagai contoh, produk amino VITAL\*, merupakan produk asid amino rantai bercabang (BCAA) yang efektif dalam pemulihan keletihan dan kesakitan otot di samping menggalakkan proses sintesis protein kepada otot yang amat berguna kepada para atlet dan sesiapa sahaja yang terlibat dengan aktiviti sukan.

"Ini merupakan inisiatif Kumpulan Ajinomoto untuk menyediakan sokongan kesihatan melalui kepakaran syarikat ini dalam bidang Sains Amino di samping

membentuk masyarakat yang lebih sejahtera dengan membantu mereka untuk makan secara sihat.

"Kumpulan Ajinomoto juga sentiasa memberi tumpuan kepada penyelesaian isu sosial melalui aktiviti perniagaannya. Kejayaannya terletak pada falsafah mewujudkan nilai-nilai bersama dalam kalangan masyarakat setempat dan masyarakat yang lebih global.

"Falsafah ini menjadi nadi perniagaan syarikat dan diberi nama, 'Penciptaan Nilai Bersama Kumpulan Ajinomoto (ASV)' yang mana ia sejajar dengan Kumpulan Ajinomoto," katanya.

Jelasnya, Ajinomoto (Malaysia) Berhad juga akan memperluaskan sokongan dalam pemakanan sukan untuk terus menyumbang kepada kemajuan dalam makanan dan kesihatan orang awam serta para atlet tempatan dalam masa terdekat.

Victory Project\*, adalah aktiviti sokongan termasuk panduan mengenai pemakanan sukan dan pengambilan asid amino untuk para atlet yang berada pada kedudukan tertinggi di kejohanan antarabangsa.